

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6985

SOALAN:

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) adakah Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) satu persatuan yang sah di bawah Akta Pertubuhan 1966; dan
- (b) pernahkah ISMA menerima apa-apa dana, sokongan atau pembayaran daripada pihak Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) merupakan sebuah pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) yang telah ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] pada 7 Julai 1997 dengan No. Pendaftaran PPM-030-10-07071997 menggunakan alamat di No. 25-1-1, Jalan Medan PB 1A, Bandar Baru Bangi, Seksyen 9, 43650 Selangor.
- (b) KDN melalui JPPM tidak memberi peruntukan kewangan kepada mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah JPPM termasuklah kepada ISMA. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan *Guarded Neighbourhood* pada tahun 2013, KDN ada memberikan geran kepada Persatuan Penduduk sahaja. Oleh itu, dakwaan yang menyebut bahawa KDN ada memberikan peruntukan kepada ISMA adalah tidak benar. Berdasarkan Perlembagaan Pertubuhan ISMA, didapati pertubuhan tersebut menjana pendapatan pertubuhannya melalui yuran kemasukan, yuran ahli, kutipan dana dan derma serta lain-lain aktiviti bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhannya.